

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : SOALAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJONG MANIS]
TARIKH : 16 MAC 2016
SOALAN :**

YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan satu program lawatan berkala dua minggu sekali oleh doktor bertauliah untuk kawasan pedalaman di Sarawak yang jarang dilawati oleh doktor seperti di Berangan (Pulau Bruit), Mupong (Daerah Meradong), Sare, Sentebu, Bukit Kinyau (Daerah Sarikei) terutamanya bagi warga emas dan OKU yang tiada keupayaan untuk ke hospital.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan Pakar Perubatan Keluarga disediakan secara tetap di Klinik Kesihatan Sarikei (Daerah Sarikei) dan Klinik Kesihatan Bintangor (Daerah Meradong), manakala untuk Bahagian Mukah, lawatan berkala dijalankan oleh Pakar Perubatan Keluarga dari Bahagian Sibul.

Secara amnya, pelbagai program dijalankan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) yang menasaskan golongan terpinggir di kawasan pedalaman termasuk warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Perkhidmatan kesihatan dilaksanakan di klinik mahupun secara *outreach* di komuniti.

Perkhidmatan Perawatan Domisiliari yang disediakan oleh 25 klinik termasuk Klinik Kesihatan Daro, KKIA Mukah, Klinik Kesihatan Bintangor dan Klinik Kesihatan Sarikei merupakan perkhidmatan perawatan holistik yang diberikan kepada kes stabil yang terlantar dan memerlukan kesinambungan penjagaan serta perawatan selepas discaj dari hospital atau rujukan dari klinik kesihatan. Ia merangkumi penjagaan klinikal, rehabilitasi serta menekankan aspek penjagaan berkualiti di rumah dan komuniti oleh keluarga pesakit atau penjaga.

Selain itu, terdapat 44 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di seluruh Sarawak termasuk PDK Mukah, Dalat, Pakan, Julau, Sarikei dan Agape, Sibul. Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan ke-7: 1Malaysia Family Care, aktiviti 'PDK Ku Sihat' telah diperkukuhkan bagi menyediakan penjagaan kesihatan holistik dan sokongan sosial dalam kalangan warga emas, OKU dan ibu tunggal. Jabatan Kesihatan turut menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan seperti Agape, bagi mencapai misi yang sama. Golongan OKU ini turut menerima lawatan dan perkhidmatan kesihatan berkala di bawah aktiviti *Community Based Rehabilitation* di klinik kesihatan.